

-->
-->

LAPORAN AKTIVITI SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

LAPORAN AKTIVITI SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS MEI-JUN 2024



MUHAMMAD AFIQ BIN AZIZ @ ABDUL AZIZ
PENOLONG PENDAFTAR

(Mei- Jun 2024)

Sembilan (9) aktiviti Mendukung Matlamat Pembangunan Mampan

telah dijalankan oleh Pejabat Pendaftar sepanjang Mei - Jun 2024

Pejabat Pendaftar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melaksanakan sembilan (9) aktiviti yang menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDG) sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyumbang kepada pembangunan mampan. Aktiviti-aktiviti ini merangkumi pelbagai inisiatif dan penglibatan daripada pelbagai peringkat staf di UTeM.

Berikut adalah 9 aktiviti yang telah dijalankan oleh Pejabat Pendaftar UTeM bagi menyokong SDG



1. KURSUS MAGNETIK MANAGERS WITH STRATEGIK THINKING FOR F1 TEAM (23-24 MEI 2024) | SDG 4

Kursus ini merupakan usaha Bahagian Pembangunan Bakat (BPB) dalam menyediakan pengetahuan dan kemahiran praktikal untuk kumpulan bakatnya yang terdiri daripada ketua pusat tanggungjawab, pengurus atau pengarah di sesebuah organisasi dalam memperkasa

dan memartabat kemahiran kepimpinan mereka terutamanya dengan penerapan pelbagai kemahiran pengurusan 'magnetik' yang mampan agar kelompok ini mampu berfikir secara strategik, kreatif dan kritikal ke arah merealisasikan visi, misi dan objektif Universiti.

2. KURSUS REKA PENERBITAN ADOBE INDESIGN (LANJUTAN) (29-31 MEI 2024) | SDG 4

Modul kursus ini disusun untuk memberi peningkatan kemahiran '*design sense*' serta teknik efisien penggunaan software adobe illustrator dan adobe indesign, terutamanya dalam versi yang terkini. Peserta akan diperkukuhkan dengan kepentingan susunan elemen grafik di dalam layout, kepentingan hirarki visual, pemilihan *typeface* serta penentuan kombinasi warna.

Dalam topik kemahiran adobe indesign, peserta akan mempelajari teknik:

- Merancang susunan halaman untuk satu projek penerbitan (majalah / buku),
- Setup master / parent pages dengan lebih efisien dan kreatif,
- Menetapkan dan menggunakan *styles* (*paragraph, character dan table*) secara *advanced* dengan lebih efisien,
- Menyusun typesetting dengan lebih kemas, kreatif dan tampak profesional,.



3. KURSUS TATACARA PENGURUSAN ASET TERBAIK DI PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) (12-13 JUN 2024) | SDG 4

Kursus ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkaitan pengurusan aset merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan universiti dan wajar diberikan keutamaan oleh PTJ terutamanya pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan

aset PTj.

Pengurusan aset hendaklah dibuat dengan teratur dan sempurna bagi mengelakkan aset yang berada di bawah pemantauan /kawalan/pegangan masing-masing daripada berlakunya salah guna, pembaziran, penyelewengan dan pemborosan. Pengurusan aset meliputi aspek penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset, penyelenggaraan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira.

4. KURSUS FOTOGRAFI KOMERSIL (19-20 JUN 2024) | SDG 4

Peserta mempelajari bagaimana untuk membayangkan dan menghasilkan foto yang mempunyai nilai kebolehpasaran. Fotografi komersial adalah kategori tersendiri yang memerlukan set kemahiran yang unik. Program dalam bidang ini memfokuskan pada pencahayaan profesional, penggambaran foto dan ubah suai *props*, *background*, *foreground* serta bahan hiasan.



5. KURSUS TEAM BONDING PEJABAT PENDAFTAR (21-22 JUN2024) | SDG 4

Kursus ini merupakan inisiatif berterusan Bahagian Pembangunan

Bakat (BPB) dalam menyokong pencapaian pelan strategik UTeM 5ST di bawah ST4 : Mencetuskan Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti melalui tema: 'Mengungguli modal insan' di mana staf perlu diberi ruang dan peluang untuk terlibat dalam program-program di bawah kluster pembangunan kekeluargaan seperti yang telah didokumenkan melalui Pelan Strategik Sumber Manusia UTeM 2015 – 2025. Atas kepentingan tersebut, kursus ini perlu diadakan untuk memperkasa ukhwh di kalangan staf selain dapat mengekalkan keharmonian dalam tadbir urus dan operasi seharian di pejabat. Diharapkan kerjasama dan komitmen staf sepanjang kursus dapat melahirkan satu kekuatan dan rasa kebersamaan yang akhirnya diterjemahkan sebagai satu suara dan satu wadah dalam pemerkasaan organisasi.

6. KURSUS PEMBANGUNAN PERISIAN DENGAN KAJIAN KES & DOKUMEN TEKNIKAL (24-25 JUN2024) | SDG 4

Kursus ini diadakan untuk memberi pededahan berkaitan pembangunan perisian adalah merupakan suatu proses yang agak panjang dan melibatkan beberapa individu dalam mengurus dan membangunkannya. Apabila dikatakan proses, ini bermakna berlaku rangkaian proses kerja dari satu peringkat ke satu peringkat sehingga siapnya perisian tersebut. Untuk memahami kesemua proses yang terlibat memerlukan masa dan panduan yang mudah serta efektif. Teori ringkas, bagaimana melakukan dan contoh penyelesaian dapat membantu mempercepatkan proses pembelajaran kitar hayat pembangunan perisian.





7. KURSUS APLIKASI FALAK DALAM IBADAT (25-26 JUN2024) | SDG 4

Kursus ini bertujuan memperkenalkan peserta kepada teori dan amali mengenai ilmu falak syari, pemahaman tentang kalendar, arah kiblat, waktu solat dan bagaimana ia dihasilkan dan digunakan dalam kehidupan seharian. Selain itu, kursus ini juga akan memberikan penerangan terperinci tentang aplikasi dan praktikal pengiraan, pengukuran dan cerapan objek langit. Peserta juga akan belajar perbezaan kalendar dan penetapan hari kebesaran Islam seperti puasa dan hari raya dalam menyelesaikan kemelut pandangan orang awam.

8. KURSUS HANDS ON AND PRACTICAL ON BASIC SOLAR PV ASSEMBLY, INSTALLATION AND TESTING (25-26 JUN 2024) | SDG 4

Kursus ini memberi penumpuan mengenai pembelajaran teori dan kerja praktikal tentang asas pemasangan dan pengujian sistem fotovolta di dalam makmal. Selain itu, peserta juga akan didedahkan berkenaan asas komponen yang diperlukan dalam memasang sistem fotovolta tidak tersambung grid. Antaranya terdiri dari pemasangan panel, pengawal cas, bateri dan papan pengagihan elektrik berkaitan fotovolta sebagai satu sistem yang lengkap.



9. PROGRAM SARINGAN KESIHATAN SIRI 5/2024 PEJABAT PENDAFTAR (25-26 Jun 2024) | SDG 3

Bertujuan untuk membuat saringan kesihatan untuk staf pejabat pendaftar

"Sila maklumkan kepada Unit Dasar sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang idea dan cadangan mengenai sebarang aktiviti yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDG).

SEKIAN

Unit Dasar mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*).

[View in SharePoint](#)



E-mel ini dijana melalui Universiti Teknikal Malaysia Melaka penggunaan Microsoft 365 ini dan mungkin mengandungi kandungan yang dikawal oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka.